

Headline	TNB nekad lakar sejarah trebel		
MediaTitle	Kosmo		
Date	29 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	325 cm ²	Journalist	MUHAMMAD
PR Value	RM 25,302		



TNB nekad lakar sejarah trebel

Oleh MUHAMMAD HELMEE RAMLI

GELARAN berganda sudah diraih Tenaga Nasional Berhad pada saingan musim ini apabila muncul juara Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024 selepas membelasah JM Antsbees 22-1 malam kelmarin.

Kemenangan itu sekali gus menyaksikan TNB menamatkan penantian selama 21 tahun untuk menjadi juara liga selepas kali terakhir melakukannya ketika mereka menjuarai kempen 2003.

Mereka juga kini selangkah sahaja lagi untuk mencapai sasaran meraih gelaran trebel selepas turut memenangi Piala Sumbangsih dengan menewaskan Pasukan Hoki Terengganu (THT) 3-1 menerusi penentuan shootout awal bulan ini.

Kapten TNB, Syed Syafiq Syed Cholan mengaku, skuad kendalian Nor Saiful Zaini Nasiruddin itu berada pada landasan terbaik untuk melakar sejarah tersendiri dengan memenangi trebel buat



PARA pemain TNB (Jersi merah) mempamerkan aksi luar biasa apabila berjaya merobek gawang JM Antsbee sebanyak 22 kali pada aksi terakhir untuk dinobatkan sebagai juara MHL musim ini.

kali pertama menjelang aksi Piala TNB nanti.

"Syukur Alhamdulillah kerana

kami sudah semakin hampir dengan sasaran mendapatkan tiga kejuaraan musim ini. Sekarang

sudah dapat dua dan kami berpuas hati dengan gelaran liga yang dimenangi.

"TNB tidak pernah meraih gelaran trebel sebelum ini, jadi kami mahu melakukannya buat kali pertama. Kami juga berada dalam landasan terbaik dan harap semua pemain dapat kekalkan momentum dan prestasi untuk satu lagi saingan," katanya.

Pada masa sama, penyerang TNB, Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal turut mempertahankan status sebagai penjaring terbanyak liga apabila meledak 23 gol dalam saingan musim ini.

Sementara itu, Nor Saiful meletakkan sasaran untuk melangkah ke perlawanan akhir pada saingan Piala TNB nanti berdasarkan prestasi yang ditampilkan barisan pemainnya dalam aksi liga.

"Jika dilihat pada corak permainan TNB, memang kami menantikan aksi tersebut pada saingan Piala TNB nanti. Saya mahu semua pemain kekalkan momentum sehingga ke perlawanan akhir nanti," ujar legenda hoki tanah air itu.